



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN KELAS KHAS**

**TAMBAHAN KEDUA KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 4/2005**

TARIKH KELUARAN: 4 JANUARI 2010



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN KELAS KHAS**

**Tambahan Kedua kepada
Ketetapan Umum No. 4/2005
Tarikh Keluaran: 4 Januari 2010**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



1. Tambahan Kedua ini menjelaskan perubahan layanan cukai tentang perkara berikut:
 - (a) Perolehan pendapatan kelas khas;
 - (b) Pembayaran atau belanja tunai langsung untuk penginapan hotel;
 - (c) Perolehan pendapatan daripada penyewaan Kontena Organisasi Piawai Antarabangsa oleh sebuah syarikat perkapalan Malaysia; dan
 - (d) Perolehan pendapatan atau fi daripada pemberian nasihat teknikal atau latihan dalam bidang yang khusus.

2. Perolehan pendapatan kelas khas

Mulai 09.01.2009, subperenggan 5.1(a) Ketetapan Umum No. 4/2005 diganti dengan subperenggan berikut:

- (a) tanggungjawab pembayaran tersebut terletak dengan Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan;

3. Pembayaran atau belanja tunai langsung untuk penginapan hotel

Pembayaran atau belanja tunai langsung berkaitan dengan penginapan hotel di Malaysia adalah sebahagian pendapatan kasar di bawah seksyen 4A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B ACP pada kadar 10% atas amaun kasar. Berkuat kuasa mulai 01.01.2009, pembayaran atau belanja tunai langsung untuk penginapan hotel tidak termasuk dalam pengiraan pendapatan kasar bagi tujuan cukai pegangan. Pengecualian ini bertujuan mengurangkan kos perkhidmatan yang diberi oleh orang tidak bermastautin. Penginapan hotel bermakna penginapan di hotel, *hotel apartment*, *service apartment*, motel atau asrama.

Contoh 1:

Melamin Sdn Bhd menggunakan perkhidmatan kejuruteraan Scan Ltd (sebuah syarikat Scandinavia) untuk memasang sebuah loji di kilangnya. Yuran perkhidmatan dipersetujui sebanyak USD50,000. Melamin Sdn Bhd juga dikehendaki membayar perbelanjaan penginapan di Hotel Hilton untuk dua orang jurutera Scan Ltd. Perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia dari 10.01.2009 hingga 20.01.2009. Bil hotel sebanyak RM5,000 dibayar pada 21.01.2009. Amaun kena dibayar kepada Scan Ltd dibuat pada 29.01.2009 melalui pemindahan telegraf.

Oleh sebab belanja tunai langsung untuk penginapan hotel tidak lagi tertakluk kepada cukai pegangan, Melamin Sdn Bhd hanya perlu membuat pegangan cukai 10% atas amaun yuran perkhidmatan USD50,000 sahaja. Andai kata kadar pertukaran wang asing ialah USD1=RM3.60 pada 29.01.2009, amaun cukai dipegang dan bayaran perlu dijelaskan kepada Scan Ltd adalah seperti berikut:



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN KELAS KHAS**

**Tambahan Kedua kepada
Ketetapan Umum No. 4/2005
Tarikh Keluaran: 4 Januari 2010**

<i>Yuran perkhidmatan (USD50,000@3.60)</i>	<i>RM180,000</i>
<i>Tolak: cukai pegangan (10%)</i>	<i>18,000</i>
<i>Bayaran perlu dijelaskan kepada Scan Ltd</i>	<i>162,000</i>

Amaun cukai pegangan RM18,000 hendaklah diremit kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri selewat-lewatnya pada 28.02.2009.

4. Perenggan 8 dalam Ketetapan Umum No. 4/2005 dipinda dengan memasukkan subperenggan baru berikut selepas subperenggan 8.3(ii):

(iii) Pendapatan penyewaan kontena Pertubuhan Piawaian Antarabangsa oleh suatu syarikat perkapalan Malaysia

Orang bukan bermastautin di Malaysia yang menerima pendapatan daripada penyewaan kontena Pertubuhan Piawaian Antarabangsa oleh syarikat perkapalan Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai pegangan mulai 20.10.2001 di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 24) 2002 - [P.U.(A) 210/2002].

Bagi maksud subperenggan ini, syarikat perkapalan Malaysia adalah sama seperti ditakrif dalam subperenggan 8.3(ii)b.

5. Perenggan 12 dalam Ketetapan Umum No. 4/2005 dipinda dengan memasukkan subperenggan baru berikut selepas Contoh 20 di subperenggan 12.1(d):

12.2 Pendapatan daripada syarikat berstatus MSC yang diluluskan

Untuk menggalakkan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia, Kerajaan telah menawarkan beberapa insentif kepada syarikat yang terlibat dalam bidang ini. Salah satu insentif adalah pengecualian cukai pegangan atas bayaran yang diterima oleh syarikat tidak bermastautin bagi nasihat teknikal atau perkhidmatan teknikal yang diberi kepada syarikat berstatus MSC yang diluluskan. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 01.10.2002 di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 13) 2005 - [P.U.(A) 102/2005].

Syarikat berstatus MSC yang diluluskan ialah syarikat yang dianugerahkan status MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan terlibat dalam aktiviti hub penyelesaian IT serantau, pertukaran internet serantau, pusat data serantau, pusat data internet serantau dan pusat panggilan serantau, dan terletak di dalam kawasan tertentu seperti Cyberjaya, Taman Teknologi Malaysia-Fasa 1, Universiti Putra Malaysia-Perbadanan Pembangunan Teknologi Inkubator 1 dan Menara Berkembar Petronas.

12.3 Pendapatan penyediaan latihan kepada rakyat Malaysia dalam bidang kepakaran tertentu, kraf dan seni pentas

Pendapatan diterima oleh pakar tidak bermastautin yang melatih rakyat Malaysia dalam bidang seni pentas dan kraf adalah dikenakan cukai pegangan pada kadar 10% atas pendapatan kasar. Sebagai insentif untuk menarik lebih ramai pakar asing melatih rakyat Malaysia bagi meningkatkan mutu seni pentas dan penghasilan kraf, pendapatan pakar tidak bermastautin yang melatih rakyat Malaysia dalam bidang kepakaran tertentu, kraf dan seni pentas adalah dikecualikan daripada cukai pegangan. Pengecualian ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima dan ditentusahkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dari 01.10.2005 hingga 30.09.2010 {Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 21) 2006 - [P.U.(A) 206/2006]}.

Bagi maksud pengecualian ini-

- (i) bidang kepakaran tertentu ialah muzik, koreografer, sinematografi, prop, set, kostum dan teknikal pentas;
- (ii) kraf ialah apa-apa keluaran kesenian yang diserikan dengan daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan hasil daripada apa-apa proses yang secara langsung atau tidak langsung bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya kepada kemahiran manual atau ketukangan, dan termasuk apa-apa keluaran batik; dan
- (iii) seni pentas termasuk persembahan pentas di teater, muzik dan tari.

12.4 Pendapatan individu tidak bermastautin yang pakar dalam bidang kewangan Islam

Kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC). Untuk mencapai hasrat ini, insentif bagi menarik pakar kewangan Islam yang terkenal di dunia untuk menyertai MIFC telah diperkenalkan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2008 - [P.U.(A) 114/2008]. Di bawah perintah pengecualian tersebut, pendapatan diterima oleh pakar kewangan Islam bukan bermastautin (ditentusahkan oleh Sekretariat MIFC) yang diklasifikasikan sebagai pendapatan di bawah perenggan 4A(ii) ACP adalah dikecualikan daripada cukai pegangan dari 08.09.2007 hingga 31.12.2016.

12.5 Pendapatan orang tidak bermastautin daripada penyediaan latihan yang diluluskan oleh Menteri

Fi teknikal yang dibayar kepada orang tidak bermastautin adalah dikenakan cukai pegangan pada kadar 10% atas pendapatan kasar. Untuk memastikan golongan tenaga manusia mahir mencukupi dan meningkatkan daya saing



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN KELAS KHAS**

**Tambahan Kedua kepada
Ketetapan Umum No. 4/2005
Tarikh Keluaran: 4 Januari 2010**

profesional di Malaysia, Kerajaan memberi insentif cukai kepada orang tidak bermastautin yang menyediakan latihan teknikal kepada pekerja mana-mana orang yang bermastautin di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2009 - [P.U.(A) 262/2009]. Di bawah perintah pengecualian tersebut, pendapatan yang diterima oleh orang tidak bermastautin adalah dikecualikan daripada cukai pegangan dari 30.08.2008 hingga 31.12.2012 jika orang tersebut menyediakan latihan teknikal di bawah program:

- (i) kursus lepasan ijazah dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, elektronik atau sains hayat;
- (ii) kursus lepasan asas dalam bidang kejururawatan atau penjagaan kesihatan bersekutu; atau
- (iii) kursus kejuruteraan penyelenggaraan kapal terbang.

Kursus yang disebutkan di atas mesti diluluskan oleh Menteri Kewangan.

6. Tambahan Kedua ini adalah sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 4/2005.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**